

BULETIN PERSATUAN PEMBANTU PERUBATAN MALAYSIA

PROFESION KU

www.pppmalaysia.com



BIL. 1/2020
EDISI 11



Terima Kasih

FRONTLINERS

A S S I S T A N T M E D I C A L O F F I C E R

#KITAJAGAKITA

#STAYSAFE

Perutusan PRESIDEN



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera.

Syukur kepada Allah swt yang memberi peluang kepada kita bertemu kembali di ruangan Buletin ProfesionKu Bil. 1/2020.

Di kesempatan ini, saya mengucapkan terima kasih kepada ahli profesion Pembantu Perubatan atas sokongan berterusan anda kepada Persatuan dan Profesion Pembantu Perubatan. Disamping itu menjadi tanggungjawab saya mengingatkan tuan-tuan dan puan-puan bahawa kita masih dibawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dan kita serta keluarga hendaklah sentiasa menepati SOP bagi pencegahan COVID-19 yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia.

Dunia telah digemparkan dengan insiden penyakit demam selesema disebabkan oleh Virus Corona. Selaku anggota Pasukan Kesihatan barisan hadapan, Pembantu Perubatan mempunyai tanggungjawab profesional yang amat berat dalam melaksanakan langkah-langkah mengesan dan merawat pesakit COVID-19 serta melawan dan menghalang penularan penyakit ini dikalangan masyarakat Malaysia.

Kearah melaksanakan tanggungjawab melawan serta mengawal pandemik COVID-19, Pembantu Perubatan hendaklah menyediakan diri bagi mendepani cabaran yang bakal mereka hadapi dalam melaksanakan tanggungjawab selaku ahli profesional yang berwibawa, berilmu dan up to date. Pembantu Perubatan hendaklah bersedia dengan maklumat yang berasaskan bukti saintifik dan penulisan ilmiah yang diperolehi media internet kearah menjadi profesional yang berpengetahuan.

Pembantu Perubatan seharusnya menyokong dan menjayakan usaha Kementerian Kesihatan Malaysia dalam aktiviti mengawal dan mencegah risiko akibat penularan COVID-19. Kita hendaklah bersama-sama anggota Kementerian Kesihatan serta masyarakat melaksanakan tanggungjawab dalam membebaskan negara daripada wabak COVID-19 supaya urusan harian membangunkan negara dapat diteruskan.

Akhir kata, Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan Ke-63 dan sama-samalah kita menyumbang kearah memajukan serta memakmurkan Malaysia yang kita sayangi.
Sekian, Wassalam.

HJ MUSTAFA ABD MAJID
PRESIDEN

AHLI JAWATANKUASA PUSAT PERSATUAN PEMBANTU PERUBATAN MALAYSIA SESI 2019/2020

Presiden
Hj. Mustafa bin Abd Majid

Timbalan Presiden
Hj. Zanif bin Shafie

Setiausaha Agung
Hj. Amin Zafri bin Abd Rahman

Penolong Setiausaha Agung
En. Saiful-Lizan bin Mohammed

Bendahari Agung
Hj. Jaafar bin Md Shariff

Juru Audit
Hj. Wan Muhammad Azman
bin Wan Abdullah

Hj. Abdul Wahab bin Md Zain

AHLI MAJLIS

PERLIS :
Pengerusi
Mohd Sukri bin Zakaria
Setiausaha
Shahril Nizar bin Ismail

KEDAH :
Pengerusi
Hj. Mohamad Nasir bin Said
Setiausaha
Mohd Shamsul bin Zainul Abidin

PULAU PINANG :
Pengerusi
Mohd Asri bin Zahari
Setiausaha
Hj. Mohd Akhir bin Ibrahim

PERAK :
Pengerusi
Hj. Ahmad Syamsul bin Hj. Rezali
Setiausaha
Mohd Fauzi bin Ahmad

KELANTAN :

Pengerusi
Mahadi bin Abdullah
Setiausaha
Muhammad Hasri bin Mohamed
Nor

TERENGGANU :
Pengerusi
Hj. Shamsuri bin Mat
Setiausaha
Hj. Muhamad Nor Ideris bin Ghani

PAHANG :
Pengerusi
Khairin Anwar bin Azudin
Setiausaha
Achik Isam bin Alias

SELANGOR :
Pengerusi
Musa bin Abdul Ghani
Setiausaha
Md Saiful Adli bin Mohamad Aziz

NEGERI SEMBILAN :

Pengerusi
Ahmad Kamal bin Mansor
Setiausaha
Hj. Mohd Zikram bin Mohd Raus

MELAKA :
Pengerusi
Hj. Mohd Sani bin Mokhtar
Setiausaha
Azizul Farid bin Muhammad

JOHOR :
Pengerusi
Nordin bin Abdul Mutalib
Setiausaha
Hj. Mohd Fairuz bin Abu Bakar

SIDANG REDAKSI

KETUA EDITOR

HJ. AHMAD SYAMSUL BIN HJ. REZALI
KETUA PENYELIA PENOLONG PEGAWAI
PERUBATAN U44
HOSPITAL BAHAGIA ULU KINTA PERAK



EDITOR

HJ MD DIAH BIN HJ KOLEH
MANTAN TIMBALAN Pengerusi
PERSATUAN PEMBANTU PERUBATAN
MALAYSIA



EDITOR

HJ. MUSTAFA BIN ABD MAJID
PRESIDEN
PERSATUAN PEMBANTU PERUBATAN
MALAYSIA



EDITOR

HJ. AMIN ZAFRI BIN ABD. RAHMAN
KETUA PENOLONG PEGAWAI
PERUBATAN U44 (KESIHATAN AWAM)
KKM



EDITOR

HJ. MOHD ZABIDI BIN MOHD TAHA
PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN U41
HOSPITAL MELAKA



EDITOR

EN. SAIFUL LIZAN BIN MOHAMMED
PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN U42
JABATAN KESIHATAN NEGERI SELANGOR



Serumpun Cinta Untaian Pena KETUA EDITOR BULETIN PROFESIONKU

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
Assalamualaikum & Salam Sejahtera...



Alhamdulillah atas berkat rahmat darinya bersandar pada Qudrat dan Irodatnya dengan sekian kali lagi Buletin PROFESIONKU edisi ke 11 bil 1/2020 berjaya diterbitkan. Ribuan terima kasih serta ucapan tahniah kepada Team Sidang Redaksi atas kesungguhan dalam menjayakan penerbitan wadah yang cukup bermakna ini.

Penerbitan Buletin PROFESIONKU ini turut terkena tempas pandemik Covid19 yang telah melanda negara apabila perancangan awal penerbitannya tersasar dari sepatutnya. Walaupun lewat dari yang dirancang tetapi sekarang ia berjaya menemui rakan-rakan profesion Penolong Pegawai Perubatan diseluruh negara.

Seperti lazimnya, Buletin PROFESIONKU ini akan melapor dan merekodkan aktiviti-aktiviti anjuran PPPM cawangan mahupun di peringkat pusat sepanjang bulan Julai 2019 hingga Jun 2020.

Saya sebagai Ketua Editor Buletin PROFESIONKU mewakili Team Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat kekhilafan di dalam kandungan buletin kali ini. Sebarang cadangan penambahbaikan amatlah diperlukan dalam usaha menerbitkan sebuah Buletin PROFESIONKU yang lebih berkualiti dimasa hadapan....Inshaallah. Cadangan dan pendapat tuan/puan sila emailkan kepada syamsulrezali@gmail.com.

Wassalam.
Bakti Mulia.

HJ. AHMAD SYAMSUL BIN HJ. REZALI
B.Sc.(Hons) NPD (UK). Dip. MA (MAL). Dip. CM (Colombo)

RINGKASAN AKTIVITI PERSATUAN PEMBANTU PERUBATAN MALAYSIA JULAI 2019 HINGGA JUN 2020

6.7.2019 @ Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia, Bilangan 1 Penggal 2019/2020

- Membaca dan mengambil tindakan keatas Minit Mesyuarat Agung Dwi Tahunan Perwakilan Kali Ketiga PPPM;
- Mengumumkan Pelantikan Pengerusi Biro-Biro;
- Pembentangan Laporan Kewangan yang berakhir pada 31 Mei 2019;
- Pembentangan cadangan penubuhan Akedemi Pembantu Perubatan;
- Pemilihan wakil persatuan sebagai Ahli Lembaga Pembantu Perubatan;
- Pembentangan perancangan dan pelaksanaan aktiviti cawangan; dan
- Hal-hal lain.

11.9.2019 @ Taklimat Bersama Pelajar Baru Kemasukan 2019/2020 Program Ijazah Sarjana Muda Sains Perubatan Kecemasan Dengan Kepeujian, Fakulti Perubatan UKM

Taklimat telah disampaikan oleh Bendahari Agung PPPM kepada para pelajar Sarjana Mudah Sains Perubatan Kecemasan bagi kemasukan sesi 2019/2020.

27.9.2019 @ Sesi Dialog Bertajuk “Amo, Whats Next?” Kepada Penolong Pegawai Perubatan Hospital Kuala Lumpur

Sesi dialog ini telah dihadiri Presiden, Timbalan Presiden, Setiausaha Agung dan Penolong Setiausaha Agung. Ia merupakan sebahagian daripada aktiviti road show bagi meningkatkan pemahaman ahli profesion kepada pertubuhan ini.

27 – 28.9.2019 @ Sesi Perbincangan Penubuhan Akademi Pembantu Perubatan Malaysia, Bil. 1

Sesi perbincangan berhubung cadangan Penubuhan Akademi Pembantu Perubatan Malaysia buat kali yang pertama ini adalah bertujuan melantik barisan ahli pemikir bagi memperhalusi cadangan dan menyediakan kertas cadangan. Seramai tujuh (7) orang ahli pemikir telah dilantik secara rasminya.

30.10.2019 @ Majlis Pelancaran Pelan Tindakan Kesihatan Lelaki Kebangsaan 2018 – 2023

PPPM telah menjadi penganjur bersama Majlis Pelancaran ini dimana objektif utamanya adalah untuk memberi maklumat dan pendedahan mengenai perancangan dan pelaksanaan perkhidmatan kesihatan lelaki di Malaysia disamping mendapatkan pandangan serta cadangan daripada anggota kesihatan dalam menambahbaik perkhidmatan kesihatan lelaki di peringkat KKM. Majlis Pelancaran ini akan disempurnakan oleh YB. Dr. Lee Boon Chye, Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia.

8 – 9.11.2019 @ Sesi Perbincangan Penubuhan Akademi Pembantu Perubatan Malaysia, Bil. 2

Sesi perbincangan tertumpu kepada konsep Akademi Pembantu Perubatan Malaysia dan perancangan untuk melawat beberapa institusi mempunyai perasan sebagai semua akademi bagi mendapatkan idea dan gambaran yang lebih jelas.

1.11.2019 @ Sesi Pembentangan Kertas Cadangan Penubuhan Akademi Pembantu Perubatan Malaysia

Setiausaha Agung dan Karunagaran a/l M. Arumugam iaitu wakil daripada ahli pemikir telah menghadiri sesi pembentangan ini di Lembaga Pembantu Perubatan. Sesi ini bertujuan menerangkan perkembangan gerak kerja berhubung cadangan penubuhan akademi termasuklah termannya.

28.12.2019 @ Mesyuarat Perbincangan Pemansuhan Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal (BIPK) Bagi Perlantikan Baharu Bermula Januari 2020

AMT PPPM telah menghadiri mesyuarat ini atas jemputan Kesatuan Kebangsaan Penolong Pegawai Perubatan Semenanjung Malaysia (KKPPPSM) bagi membincangkan isu berkaitan pemansuhan pemberian elaun Bayaran Insentif Kriktikal (BIPK) oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia bermula 1 Januari 2020 bagi perlantikan anggota baru dalam sektor perkhidmatan awam.

8.1.2020 @ Mesyuarat Pembangunan Profesion Penolong Pegawai Perubatan

Presiden telah dijemput oleh Lembaga Pembantu Perubatan dan menghadiri mesyuarat ini bagi membentang dan membincangkan *Plan of Action* bagi tahun 2020.

11.1.2020 @ Sesi Perbincangan Penubuhan Akademi Pembantu Perubatan Malaysia, Bil. 3

Sesi perbincangan ini bertujuan mengatur perancangan lawatan ke Singapore Civil Defence Academy bagi meninjau konsep dan perjalanan akademi ini.

10.1.2020 @ Sesi Sidang Media Bantahan Rasmi Terhadap Pelaksanaan Zon Atau Kawasan Merokok Di Tempat Awam

Timbalan Presiden bersama beberapa orang wakil telah menghadiri sesi ini yang diadakan di Pusat Kanser Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur bagi menzahirkan solidariti PPPM kepada bantahan terhadap usaha sesetengah pihak yang bercadang untuk mengadakan tempat khas merokok. Usaha pihak yang berkenaan disifatkan mengganggu usaha KKM memastikan negara tercinta bebas daripada asap rokok.

SEKALUNG TAHNIAH KEPADA SETIAUSAHA AGUNG PERSATUAN PEMBANTU PERUBATAN MALAYSIA 'DI ATAS PELANTIKAN SEBAGAI KETUA PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN (KESIHATAN AWAM) KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Tuan Haji Amin Zafri bin Abd Rahman telah dilantik sebagai **Ketua Penolong Pegawai Perubatan bagi Program Kesihatan Awam, Kementerian Kesihatan Malaysia**. Berkuatkuasa mulai 22 Jun 2020.

PPPM yakin dengan pengalaman serta komitmen beliau akan dapat mengangkat profesion PPP ke arah kecemerlangan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat dan negara.



Barisan Ahli Pemikir Akademi Pembantu Perubatan Malaysia



Mesyuarat Isu Mempreskripsi Ubat oleh Penolong Pegawai Perubatan



Penyerahan memorandum bantahan terhadap cadangan JPA untuk memansuhkan pemberian BIPK oleh SUA kepada Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

PROGRAM PENGUKUHAN PASUKAN BAGI PEGAWAI-PEGAWAI PERTUBUHAN



16-18 NOVEMBER 2019
KEM PERMAITA RESORT, ALOR GAJAH MELAKA

**PENYERTAAN MALAYSIA DI DALAM GABUNGAN
GLOBAL ASSOCIATION OF CLINICAL OFFICERS AND PHYSICIAN ASSOCIATES (GACOPA)**



Delegaşi Malaysia yang terdiri daripada Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia (PPPM), Lembaga Pembantu Perubatan (LPP) dan Kesatuan Kebangsaan Penolong Pegawai Perubatan Semenanjung Malaysia (KKPPSM) telah menghadiri *2nd International Delegates & Scientific Conference di Rwanda* pada 5 – 7 Mac 2020 dan membentangkan empat (4) perkara yang mendasari kelangsungan profesion Pembantu Perubatan di Malaysia, antaranya:

- i) *History of Medical Assistants in Malaysia* (Mustafa Abd Majid, PPPM)
- ii) *Medical Assistants Training in Malaysia* (Moideen Kutty Hassan, PPPM)
- iii) *The Medical Assistants Curriculum: Supporting Universal Health Coverage in Malaysia* (Alias Mahmud, PPPM)
- iv) *The services of Medical Assistants in Malaysia* (Wilson Periyanyagam, LPP)

GACOPA Members of Council telah menjemput delegasi Malaysia untuk turut serta di dalam mesyuarat pra persidangan yang diadakan pada 5 Mac 2020 di *University of Rwanda* bagi berkongsi pandangan dalam perkara-perkara yang berkaitan. *Members of Council* telah tertarik dengan perkembangan dan kemajuan profesion Pembantu Perubatan di Malaysia dan memutuskan untuk:

- i) mengangkat cadangan menerima Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia sebagai ahli gabungan GACOPA; dan
- ii) memilih Malaysia sebagai tuan rumah persidangan GACOPA pada tahun berikutnya. *International Executive Council of GACOPA* yang bersidang pada 6 Mac 2020 telah sebulat suara BERSETUJU dengan dua (2) cadangan yang dikemukakan dan melantik:
 - i) Presiden Persatuan Pembantu Malaysia sebagai *Director at Large Asia* (penyandang adalah Mustafa bin Abd Majid);
 - ii) wakil Lembaga Pembantu Perubatan sebagai *Secretary of The Board of Governors of GACOPA* (penyandang adalah Zulhelmi bin Abdullah); dan
 - iii) Malaysia sebagai tuan rumah *3rd International Delegates & Scientific Conference for GACOPA 2021*.

Delegasi Malaysia menyambut baik dan berbesar hati dengan keputusan tersebut selaras dengan usaha mewujudkan dan memperkukuhkan kolaborasi antarabangsa sebagai mengorak langkah untuk mengangkat profesion Pembantu Perubatan setanding dengan profesion antarabangsa yang lain serta mendapatkan pengiktirafan antarabangsa akan peranannya. Usaha ini selari Pelan Pembangunan Profesion PPP di bawah Teras Ke-6 iaitu Pengukuhan Kolaborasi Antarabangsa serta bertepatan dengan Tema Hari Pembantu Perubatan Tahun 2020 iaitu AMOTeX: Meningkatkan Kecemerlangan Ke Arah Pengiktirafan.

NAMA PROGRAM : MAJLIS AGIHAN BUBUR LAMBUK SEMPENA RAMADHAN ANJURAN BERSAMA UNIT PPP JKN KEDAH DAN PERSATUAN PEMBANTU PERUBATAN MALAYSIA CAWANGAN KEDAH

TARIKH PROGRAM : 13 MEI 2020 (RABU)

HARI / MASA : DIJALANKAN PADA SESI SEBELAH PETANG DALAM HARI BERKERJA

TEMPAT : PERKARANGAN LOBI JKN KEDAH

OBJEKTIF :

- MENERAPKAN NILAI-NILAI ISLAM DALAM AMALAN BERSEDEKAH DIKALANGAN KAKITANGAN SERTA MENJADIKAN SATU IBADAH KHUSUSNYA DALAM BULAN RAMADAN.
- MERAPATKAN LAGI SILATULRAHIM DIKALANGAN KAKITANGAN JKN KEDAH
- MEMARTABKAN LAGI PROFESION PPP DIKALANGAN PEGAWAI-PEGAWAI DI JKN DALAM AKTIVITI YANG DIANJURKAN KHUSUSNYA OLEH PPP.

SASARAN : SEMUA KAKITANGAN YANG BERTUGAS DI PEJABAT PENGARAH JKN KEDAH (ANGGARAN 420)

PENYEMPURNAAN MAJLIS : DR HJ MOHD FIKRI BIN UJANG
PENGARAH KESIHATAN NEGERI KEDAH



NAMA PROGRAM : SAMBUTAN HARI PEMBANTU PERUBATAN PERINGKAT NEGERI KEDAH

TARIKH PROGRAM : 10 MAC 2020 (SELASA)

HARI / MASA : SELASA (BERMULA JAM 9.00 PAGI)

TEMPAT : PERKARANGAN LOBI HOSPITAL SULTANAH BAHYAH

OBJEKTIF :

- MENYAMBUK HARI PEMBANTU PERUBATAN SETIAP TAHUN
- MEMPROMOSI DAN MEMPERKASAKAN PPP DENGAN TEMA TAHUNAN
- MERAPATKAN SILATULRAHIM SEMUA PPP BERTUGAS DI NEGERI KEDAH
- MENJALANKAN AKTIVITI DAN SUMBANGAN PPP DALAM PROGRAM DERMA DARAH

SASARAN : SEMUA PPP YANG BERTUGAS DALAM NEGERI KEDAH (ANGGARAN 500 ORANG)

PENYEMPURNAAN MAJLIS : DR HJ MOHD FIKRI BIN UJANG PENGARAH KESIHATAN NEGERI KEDAH



NAMA PROGRAM : TAKLIMAT PERSATUAN PEMBANTU PERUBATAN MALAYSIA KEPADA PPP LANTIKAN BARU (KONTRAK) & MEMPROMOSIKAN KEAHLIAN BARU

TARIKH PROGRAM : 3 FEBRUARI 2020

HARI / MASA : ISNIN (JAM 9.00 PAGI)

TEMPAT : BILIK MESYUARAT UTAMA, JKN KEDAH

OBJEKTIF :

- MENERANGKAN TENTANG FUNGSI DAN HALATUJU PERSATUAN
- MEMPROMOSI DAN MENDAFTARKAN KEAHLIAN BARU
- MERAPATKAN SILATURRAHIM ANTARA PPP BARU DENGAN AHLI JAWATANKUASA PERSATUAN

SASARAN : SEMUA PPP LANTIKAN BARU (KONTRAK) SERAMAI 80 ORANG



DISEDIAKAN OLEH :
Mohd Shamsul Bin Zainul Abidin
Setiausaha PPPM Kedah

LAPORAN MENGAJAI PUNCAK ASEAN- XPDC MOUNT FANSIPAN VIETNAM

ANJURAN PERSATUAN PEMBANTU PERUBATAN JOHOR DENGAN KERJASAMA BAHAGIAN PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN, JABATAN KESIHATAN NEGERI JOHOR

TARIKH XPDC : 20.2.2020 HINGGA 23.2.2020

JUMLAH PESERTA : 19 orang dan 11 darinya ialah Penolong Pegawai Perubatan

Gunung Fansipan terkenal dengan panggilan 'Roof of Indochina' menunjukkan bahawa Gunung Fansipan bukan hanya gunung tertinggi di Vietnam malah di kawasan Indochina yang merangkumi Laos dan Cambodia. Mempunyai ketinggian 3143 MDPL Pada 19.2.2020 peserta telah bertolak ke Hanoi Vietnam melalui KLIA 2 dan seterusnya meneruskan perjalanan selama 7 jam menggunakan bas ke Sapa di utara Vietnam.

20.2.2020 jam 7.30 pagi memulakan pendakian dan sampai di base camp untuk rehat pada jam 5 petang hingga 7 malam (mengikut kemampuan peserta)

Dan pada jam 3 pagi (21.2.2020) peserta memulakan pendakian ke puncak. Lebih kurang jam 6 pagi peserta pertama telah sampai ke puncak dan diikuti peserta-peserta lain dan yang terakhir pada jam 8 pagi. Kesemua 19 peserta telah berjaya sampai ke puncak "Roof of Indochina" dengan jayanya.

Suhu di puncak direkodkan -4 C dan peserta dapat menikmati taburan salji dengan pemandangan "sunrise" yang mempersonakan.

Jam 9 pagi semua peserta mula bergerak turun ke base camp dan meneruskan perjalanan ke bawah jam 6 petang, peserta terakhir tiba di tempat mula pendakian dan pendakian selesai.



SAMBUTAN HARI KELUARGA ANJURAN PERSATUAN PEMBANTU PERUBATAN CAWANGAN JOHOR DENGAN KERJASAMA BAHAGIAN PPP JKNJ

Tarikh : 4-5 Oktober 2020

Tempat : Bayu Balau Beach Resort, Telok Gorek Mersing Johor

Kehadiran : 130 orang yang terdiri dari pelbagai. Antara acara yang diadakan seperti Treasure Hunt, Sukaneka dan BBQ, Penyampaian Hadiah pada malam tersebut disampaikan oleh KPPN Johor En Mohd Andrew Iskandar Bin Abdullah



PERTANDINGAN TENPIN BOWLING 2019

Tarikh : 7 Disember 2019

Tempat : Pelangi Leisure Mall

Program ini adalah penutup kalendar bagi PPPM Cawangan Johor bagi tahun 2019. Ianya diadakan antara lain adalah bagi mencungkil bakat-bakat baru di kalangan warga Kesihatan Negeri Johor. Ianya dirasmikan oleh KPPN Johor. 12 pasukan yang terdiri 4 anggota setiap pasukan telah menyertai pertandingan ini.



MAJLIS MALAM GALA APREIASI TAHUN 2019 BAGI PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN, PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN DAN PEMANDU KENDERAAN (3P) ANJURAN PERSATUAN PEMBANTU PERUBATAN CAWANGAN JOHOR DENGAN KERJASAMA BAHAGIAN PPP JKNJ

Tarikh : 25 Oktober 2019

Tempat : Grand Paragon Hotel Johor Bahru

Majlis ini bertujuan memberi penghargaan dan pengiktirafan pada warga Kerja 3P JKNJ yang berbakat, berkemahiran dan berpersonaliti selain aktif bersukan. Ianya telah dirasmikan oleh YB Exco Kesihatan, Kebudayaan dan Warisan Tuan Mohd Khuzzan Bin Abu Bakar. Ianya telah menjadi majlis tahunan bagi PPPM Cawangan Johor. Seramai hampir 320 anggota telah hadir dalam majlis bertemakan 'glamorous' Majlis ini juga memberi penghargaan atas kejayaan 19 pendaki yang diketuai oleh Tn Hj Noridin Samian menawan puncak Kinabalu.



XPDC KE GUNUNG SILIPAT THAILAND 24-25 Ogos 2019

Seramai 9 warga Kesihatan dari pelbagai jawatan telah mengikuti ekspedisi ini



Disediakan Oleh :
HJ.MOHD FAIRUZ BIN ABU BAKAR
Setiausaha PPPM Johor

Tajuk aktiviti : **KEJOHANAN BOWLING PIALA PERSATUAN PEMBANTU PERUBATAN MALAYSIA CAWANGAN KELANTAN PERINGKAT NEGERI KELANTAN TAHUN 2019**

Tempat : BILLION MALL KOTA BHARU

Tarikh : 14 Disember 2019

Masa : 0800 PAGI – 0400 PETANG

Perasmi : Ybrs. Encik Abdul Basir bi Hj Ahmad, KPPN Kelantan

Kehadiran/Penyertaan : 85 orang

Video aktiviti (klik link) : <https://www.youtube.com/watch?v=OaWt9LjcALU>



PIALA PUSINGAN KEJOHANAN BOWLING PIALA PERSATUAN PEMBANTU PERUBATAN MALAYSIA CAWANGAN KELANTAN (PPPMCK) PERINGKAT NEGERI KELANTAN TAHUN 2019



Tajuk aktiviti : **Tutorial 'Annual Renewal Certificate' bagi Penolong Pegawai Perubatan (PPP) melalui Sistem BLESS**

Tempat : YOUTUBE CHANNEL

Tarikh : 5 JANUARI 2020

Masa : 1100 MALAM

Kehadiran / Penyertaan : 1338 VIEWERS

Video aktiviti (klik link) : <https://www.youtube.com/watch?v=Fqpl-6hIMhc&feature=youtu.be>

Tajuk aktiviti : **CME ONLINE**

Tempat : GOOGLE CLASSROOM

Tarikh : BERMULA PADA 2 JUN 2020

Masa : 24 JAM ONLINE

Perasmi : Ybrs. Encik Abdul Basir bi Hj Ahmad, KPPN Kelantan

Kehadiran / Penyertaan : 750 netizen



Tajuk aktiviti : **SAMBUTAN HARI PEMBANTU PERUBATAN PERINGKAT NEGERI KELANTAN**

Tempat : AUDITORIUM RAFFLESIA HOSPITAL SULTAN ISMAIL PETRA

Tarikh : 10 MAC 2020

Masa : 0800 PAGI

Perasmi : Ybhg. Dato' DrZaini bin Hussin, Pengarah Kesihatan Negeri Kelantan

Kehadiran / Penyertaan : 250 orang

Video aktiviti (klik link) : <https://www.facebook.com/201771579834991/posts/3134987326513387/?fclid=15J93P9knzdTkA8V>



Dirasmikan oleh
YBhg. Dato' Zaini Bin Hussin
PENGARAH KESIHATAN NEGERI KELANTAN

10 MAC 2020 (SELASA) | 10.00 PAGI

BERTEMPAT DI
AUDITORIUM RAFFLESIA
HOSPITAL SULTAN ISMAIL PETRA

DISEDIAKAN OLEH :
MUHAMMAD HASRI BIN MOHAMED NOR,
Setiausaha PPPM Kelantan

TERENGGANU

TERENGGANU AMO (ASISSTANT MEDICAL OFFICER) PREPARATION COURSE 1.0 (TAMO-PC)

14 JULAI 2019

Kursus seumpama ini merupakan julung kali diadakan khusus untuk graduan Pembantu Perubatan ILKMM dan Agensi Swasta. Ia dianjurkan sepenuhnya oleh PPPM Cawangan Terengganu dengan kerjasama Unit Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu dan Laman Rasmi Facebook Penolong Pegawai Perubatan Terengganu. Kursus telah diadakan 14 Julai 2019 (Sabtu) di Dewan Wira, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Negeri Terengganu. Program ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan, di mana seramai 75 peserta dari seluruh negara. Fokus utama program ini adalah untuk berkongsi maklumat semasa perkembangan profesion dan membuka peluang kerjaya sebagai Pembantu Perubatan di beberapa sektor industri termasuk oil & gas. Penceramah terdiri daripada Pengerusi PPPM Cawangan Terengganu Tn Hj Shamsuri bin Mat, Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia Negeri Terengganu Lt. Kol (PA) Che Adam bin Abd Rahman dan juga Pengarah Klinik Ibra Sdn Bhd (Occupational Health Clinic) yang juga Pertrons Approval Medical Examiner Dr Samsuri bin Ismail. Pada sesi petang pula, para peserta didedahkan dengan kemahiran klinikal (skill station) termasuklah Pengurusan Airway, Basic Life Support (BLS), Immobilisation, PPE & Infection Control dan Basic Suturing Skill.



JEJAK KEMBOJA 2019: PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT DAN PENGANTARABANGSAAN

20 - 24 DISEMBER 2019

Kolaborasi bersama Akademi Pengajian Islam (ACIS), UiTM Cawangan Melaka dengan kerjasama Unit Hal Ehwal Islam (UHEI), UiTM Cawangan Melaka telah mengadakan program khidmat masyarakat di Pusat Tahfiz Maulana Osman, Kampong Troyong, dan Al-Rahman School & Ummu Aiman Orphanage House, Kemboja dengan Persatuan Pembelajaran Pasca Siswazah Perubatan Hospital Sultanah Nur Zahirah (PGMES), Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia Cawangan Terengganu (PPPMCT), Pertubuhan Amal Perubatan Ibnu Sina Malaysia (PAPISMA) Cawangan Terengganu dan Persatuan Jururawat Malaysia Cawangan Terengganu Misi kemanusiaan dan kemasyarakatan yang disertai 55 sukarelawan ini meliputi pembinaan 33 buah telaga, 4 buah tempat wuduk masjid, sumbangan khatan kanak-kanak, pemberian alat tulis, kitab Muqaddam dan Kitab Surah-Surah, sumbangan berbentuk keperluan harian dan sumbangan wang tunai. Jumlah keseluruhan wakaf, sedekah dan infak yang diterima daripada pelbagai pihak untuk program ini adalah sebanyak lebih daripada RM55,500.00. Kolaborasi ini juga mengadakan program amal berkhata percuma beramai-ramai kepada kanak-kanak yatim dan miskin yang kurang berkemampuan yang memakan belanja lebih RM3,000.00.



SUMBANGAN IKHLAS PPPM CAWANGAN TERENGGANU DAN KKPPPSM CAWANGAN TERENGGANU UNTUK TABUNG COVID-19 JABATAN KESIHATAN NEGERI TERENGGANU

08 April 2020 @ IPJKNT

Majlis penyampaian sumbangan ikhlas Penolong Pegawai Perubatan (PPP) Negeri Terengganu bagi Tabung Covid-19 JKNT. Sumbangan daripada Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia Cawangan Terengganu & Kesatuan Kebangsaan Penolong Pegawai Perubatan Semenanjung Malaysia Cawangan Terengganu ini telah disampaikan kepada Dr. Nor Azimi binti Yunus, Pengarah Kesihatan Negeri, Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu oleh Tn. Hj. Shamsuri bin Mat (Pengerusi PPPM Cawangan Terengganu) dan Tn. Hj. Hussin bin Hasan (Pengerusi KKPPPSM Cawangan Terengganu). Turut hadir En. Wan Asrulnizan bin Wan Mustaffa KPPPN.

Objekti : menunjukkan keperihatinan dan sokongan para ahli dalam usaha membantu menangani wabak pandemik Covid-19 khususnya kepada petugas barisan hadapan yang bertugas di lapangan.



ZIARAH AHLI AKTIF PPPM CAWANGAN TERENGGANU, EN. MOHD HAIRIL IKHRAM BIN MOHD NOOR - KEMASUKAN WAD

26 SEPTEMBER 2019

En. Mohd Hairil Ikhram bin Mohd Noor merupakan PPP Gred U32 TBK yang bertugas di Jabatan Ortopedik, Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ), Kuala Terengganu. Beliau dimasukkan ke wad pada 25 September 2019. Lawatan ziarah ini disertai oleh Ketua PPP Negeri Terengganu, Pengerusi dan Bendahari Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia cawangan Terengganu dan juga ketua PPP Jabatan Ortopedik, HSNZ dengan tujuan mengukuhkan ukhwah sesama ahli PPPM cawangan Terengganu dan profesion amnya di samping menyampaikan sedikit sumbangan.



BUDAYA KERJA CEMERLANG DAN KOSPEN PLUS PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN DAN PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN TERENGGANU

17 JANUARI 2020

Program ini merupakan kolaborasi bersama PPPM Cawangan Terengganu dan Kesatuan Kebangsaan Pembantu Perawatan Kesihatan Semenanjung Malaysia diadakan dengan tujuan mengeratkan silaturahim sesama PPP dan PPK dibawah naungan JKN Terengganu. Program kali ini Berjaya mengumpulkan 48 PPP dan 64 PPK (122 peserta) dari seluruh negeri Terengganu. Sesi pagi dimulakan dengan Kursus Budaya Kerja Cemerlang di Auditorium ACC, HSNZ sebelum meneruskan program kemuncak pada sesi petang dengan pertandingan Bowling Piala KPPPN Terengganu di Crown Coral Bowl, Paya Bunga Square, Kuala Terengganu.



JEJAK KEMBOJA 2019 : PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT DAN PENGANTARABANGSAAN

4 - 8 MAC 2020

Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia Cawangan Terengganu ke Meulaboh, Aceh, Indonesia. Program amal ini berlangsung selama 3 hari bermula pada 4 - 8 Mac 2020 dengan kolaborasi Persatuan Pasca Siswazah Hospital Sultanah Nurzahirah Terengganu. Program ini meliputi pelbagai aktiviti termasuklah sumbangan berupa naskah Al-Quran dan peralatan belajar, kiriman derma wang ringgit serta gotong royong kebersihan. Kemuncak aktiviti ialah program Perkhidmatan Berkhata secara percuma kepada 100 orang pelajar anak-anak yatim piatu dan duhafa.



Disediakan Oleh :
HJ. SHAMSURI BIN MAT
PENERUSI PPPM TERENGGANU

BIL	TARIKH	AKTIVITI
1	10 Januari 2020 (Jumaat) Jam 10.00 pagi	Mesyuarat Jawatankuasa Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia Cawangan Negeri Sembilan Darul Khusus diadakan di Bilik Mesyuarat Kiara, Ibu pejabat Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan
2	4 Februari 2020 (Selasa) Jam 8.30 pagi	Sesi Taklimat dan penerangan kepada Penolong Pegawai Perubatan (PPW) yang baru melaporkan diri ke Hospital Tuanku Jaafar Seremban. Taklimat adalah berkaitan pendaftaran serta aktiviti-aktiviti Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia Cawangan Negeri Sembilan secara keseluruhannya. Kesempatan juga diambil untuk mengedarkan Buletin Profesionku keluaran khas PPPM bagi tahun terkini kepada semua PPW yang hadir
3	10 Mac 2020 (Selasa) Jam 9.00 pagi	Program Derma Darah Penolong Pegawai perubatan Sempena Sambutan Hari Pembantu Perubatan 2020 Peringkat Negeri Sembilan Darul Khusus bertempat di Perkarangan Lobi Hospital Rembau yang telah dirasmikan oleh Datin Dr Harlina binti Abdul Rashi Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Bahagian Perubatan) Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan
4	21 Mei 2020 (Khamis) Jam 11.00 pagi	Sesi Perjumpaan serta Penyampaian Cendera kenangan oleh AJK Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia Cawangan Negeri Sembilan kepada Ketua Penolong Pegawai Perubatan Negeri, En Yusra yang akan berpindah ke JKN Johor pada 22 Mei 2020

DISEDIAKAN OLEH :
HJ MOHD ZIKRAM BIN HJ. MOHD RAUS, SETIAUSAHA PPPM NEGERI SEMBILAN

PULAU PINANG

- Program Derma Darah diadakan di Hospital Seberang Jaya. Ia diadakan pada 10 Mac 2020. Serentak satu Malaysia.
- Seramai 150 Penolong Pegawai Perubatan yang hadir pada hari tersebut.
- Sambutannya amat meriah sekali.
- Program ini dirasmikan oleh Yang Berbahagia Ybrs Dr Asmayani Binti Khalib, Pengarah Kesihatan Negeri Pulau Pinang.



- Seminar Penolong Pegawai Perubatan Peringkat Negeri Pulau Pinang diadakan pada 11-14 Mac 2020 bertempat di Tabung Haji Pulau Pinang dengan bertemakan AMOTeX: Meningkatkan Kecemerlangan Kearah Pengiktirafan.
- Seramai 250 Penolong Pegawai Perubatan yang hadir pada hari tersebut.



DISEDIAKAN OLEH :
HJ MOHD AKHIR BIN IBRAHIM, PENERUSI PPPM PULAU PINANG

25.02.2020 @ Auditorium Hospital Ampang
Majlis Penyampaian Amanat Pengarah Kesihatan Negeri(PKN) Selangor Bersama Peserta Program Penempatan Wajib (PPW) 21

Anjuran Bersama :

- Persatuan PP Cawangan Selangor
- Bahagian Penyeliaan Penolong Pegawai Perubatan Selangor
- Peserta PPW 21

Kehadiran :

- Dato' Indera Dr Sha'ari bin Ngadiman, Pengarah Kesihatan Negeri
- Dr Ghazi bin Abdul Manaf, Pengarah Hosp. Ampang
- Dr Faizal bin Mat, Timbalan Pengarah Kesihatan (Perubatan)
- En Robert Wong Kim Han, Timbalan Pengarah Kesihatan (Pengurusan)
- En Dzafarullah b. Daud, Timbalan Pengarah (Farmasi) JKNS
- En Wilson a/I V. Perianayagam, Ketua Penolong Pegawai Perubatan Negeri
- Matron Indirane a/p Batumalai, Ketua Jururawat Negeri

AKTIVITI



1. Penyampaian Amanat oleh PKN Selangor
a. Ceramah 'Bagaimana Ingin Menjadi Orang Yang Hebat & PERLU ADA'



2. Perjumpaan bersama KPPPN



3. Majlis Penyampaian Sijil Tamat PPW



4. Taklimat Persatuan & Kesatuan :
Mengapa PERLU JADI AHLI

SELANGOR

29.02.2020 @ Bilik Mesyuarat Temenggung, Hospital Ampang
Mesyuarat AJK Persatuan Cawangan Selangor



01.03.2020 @ Ruman Penjagaan Damai, Jalan Kebun, Klang.
Program Komuniti

Anjuran Bersama :

- Persatuan PP cawangan Selangor
- Unit Penyeliaan Penolong Pegawai Perubatan Hospital Shah Alam



Pelbagai aktiviti dijalankan :

1. Menjalankan kerja-kerja mencerikan serta gotong royong sekitar kawasan Rumah Penjagaan Damai dengan kerja-kerja mengecat bahagian luar bangunan & tembok pagar



2. Aktiviti riadah bersama penghuni



3. Menyediakan jamuan makan tengahari untuk peserta program & penghuni

DISEDIAKAN OLEH :
MUSA ABDUL GHANI
PENERUSI PPPM SELANGOR

MELAKA

31 JANUARI 2020

Persatuan Pembantu Perubatan Cawangan Melaka telah menganjurkan sesi pertemuan bersama semua Penolong Pegawai Perubatan khususnya yang bertugas di dalam Negeri Melaka.

Didalam sesi pertemuan ini, Pengerusi persatuan telah member penerangan dan galakan kepada semua yang hadir kepentingan untuk menjadi ahli Persatuan dan sekaligus terlibat sama dalam apa jua aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan. Melalui aktiviti ini, para ahli dapat menyemak status keahlian dan memperbaharui keahlian.

Pendaftaran keahlian baru telah mencecah kepada 24 orang pada masa itu. Jumlah ini akan ditambah dengan beberapa aktiviti roadshow yang telah dirancang dan akan berjalan di seluruh Negeri Melaka.



DISEDIAKAN OLEH :
AZIZUL FARID BIN MUHAMMAD
SETIAUSAHA PPPM MELAKA

PAHANG

Taklimat Persatuan Pembantu Perubatan Cawangan Negeri Pahang untuk PPW Kontrak Kumpulan 4 semasa melapor diri di Hospital Tengku Ampuan Afzan Kuantan oleh Tuan Hj Khairin Bin Azudin Pengerusi Persatuan Pembantu Perubatan Negeri Pahang. Kehadiran 48 orang PPW Kontrak.



Kejohanan Boling Piala Ketua Penolong Pegawai Perubatan Malaysia yang berlangsung di Pulau Pinang. Persatuan Pembantu Perubatan Negeri Pahang telah menghantar 2 pasukan dimana 1 pasukan adalah dibawah tajaan PPPM Pusat. En Johari dari Hospital Pekan telah menjaya mendapat tempat 2 jatuhan pin keseluruhan kejohanan.

Program Derma Darah Penolong Pegawai Perubatan Sempena Hari Pembantu Perubatan Peringkat Negeri Pahang 2020



DISEDIAKAN OLEH :
ACHIK ISAM BIN ALIAS, SETIAUSAHA PPPM PAHANG

PERLIS

Pertandingan Bowling sempena Piala Ketua Penolong Pegawai Perubatan Negeri Perlis.

Tarikh : 11 Januari 2020 (Sabtu)
Lokasi : LITE Super Bowl, Perlis
Kehadiran : 40 orang PPP dari Perubatan & Kesihatan Awam



Mesyuarat JK Program Pelancaran Derma Darah sempena Hari PPP di Sabah

Wakil Media PPP Perlis: PPP Anas Sauqi (HTF, Kangar)

Tarikh : 30 Januari 2020

DISEDIAKAN OLEH :
SHAHRIL NIZAR BIN ISMAIL, SETIAUSAHA PPPM PERLIS

Pertandingan CPR Perlis 2020

Anjuran : Jabatan Kecemasan & Trauma, HTF Kangar dengan Kerjasama PPPM Perlis

Lokasi : ILKMM (Kejururawatan) Perlis.
Tarikh : 19 Mac 2020 (Selasa)



Mesyuarat JK Kerja Program Derma Darah sempena Hari Pembantu Perubatan 2020 Bil. 2

Lokasi : HTF, Kangar
Tarikh : 06 Februari 2020
Perasmian : Dr "Mat" TPKN Perubatan



CME Bersepadu PPP Perlis Tahun 2020 (Kolaborasi Perubatan & Kesihatan Awam)

Tarikh : 14/2/2020
Lokasi : HTF, Kangar



Program Sambutan Hari Derma Darah sempena Hari PP Negeri Perlis Tahun 2020

Lokasi : HTF Kangar
Tarikh : 10/3/2020 (Selasa)



TEAM BUILDING EXPLORASI GUA TEMPURUNG



Team Building Explorasi Gua Tempurung Penolong Pegawai Perubatan 2020 anjuran Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia Cawangan Negeri Perak. Seramai 36 orang Penolong Pegawai Perubatan negeri Perak telah berdaftar dan menyertai Explorasi Gua Tempurung 2020 kali ini. Seawal sesi memanaskan badan pada pukul 8.30 pagi dan seterusnya Kata-kata Aluan diberikan oleh Bendahari Persatuan En. Saifol bin Mohd Zambri menyuntik semangat para peserta untuk meneruskan Ekspedisi. Seterusnya peserta diberikan Taklimat Ringkas Oleh En. Roslan Abdullah Pegawai Operator yang bertugas mengenai penjagaan keselamatan selama berada di dalam Gua Tempurung.

Binaan stalaktit mahupun stalagmit dalam Gua Tempurung Di Gopeng, Perak menyerupai 'figura' lembaga mahupun adakalanya seperti haiwan, dilihat berjaya menarik perhatian Ekspidisi kemudian lebih mencabar apabila para peserta dikehendaki menggelungsur daripada ketinggian lebih empat meter dimana aktiviti ini memerlukan kerjasama berpasukan. Dua peserta turun terlebih dulu untuk turun menyambut ahli kumpulan lain. Ini bukan saja membabitkan keyakinan terhadap kemampuan diri malah kepercayaan terhadap ahli kumpulan. Jadi ini antara benda positif yang perlu diterapkan dalam diri masing-masing. Kembara lebih mencabar apabila peserta terpaksa melalui laluan sempit hanya memuatkan seorang individu dalam satu masa kemudian beralih kepada ruang gua lebih besar membuatkan rasa gelisah mula berganti teruja, peserta kemudian dikehendaki menyusuri ruang 'Short River Adventure' yang sempit, gelap dan menyejukkan Alhamdulillah selepas hampir 4 jam berada di dalam Gua ,semua peserta berjaya mengharungi bersama tanpa ada kecederaan dan masalah. Badan sudah penat tapi pengalaman yang sukar dilupakan, Seterusnya peserta disajikan dengan masakan istimewa oleh pihak Gua tempurung, lauk pauk yang disediakan amat menyelerakan.

Terima kasih & tahniah kepada semua peserta yang telah menjayakan program xplorasi ini..terbukti semua boleh melakukannya..1 program outdoor untuk ahli-ahli Persatuan PPM Perak. Semoga program ini beroleh manfaat untuk semua...

PROGRAM DERMA DARAH PPP PERAK

Program Derma Darah sempena Hari Pembantu Perubatan telah diadakan pada 10 Mac 2020 di Hospital Raja Permaisuri Bainun Ipoh. Program ini yang menggunakan tema Sambutan Hari Pembantu Perubatan iaitu "AMOTEX - Meningkatkan Kecemerlangan Ke Arah Pengiktirafan" dianjurkan oleh Unit Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan Jabatan Kesihatan Negeri Perak dengan kerjasama Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia Cawangan Negeri Perak, Kesatuan Kebangsaan PPP Sem Malaysia Cawangan Negeri Perak dan Unit Penolong Pegawai Perubatan Hospital Raja Permaisuri Bainun Ipoh. Program derma darah ini telah dirasmikan oleh Dato Dr Ding Lay Ming, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Perak.

Menurut En Saifol B. Mohd Zambri, PPP U36 HRPB iaitu Penyelaras Program Derma Darah pada tahun ini, Beberapa faedah telah dikenalpasti dengan terlaksananya program ini antaranya ialah:-

- i. Membantu meningkatkan pendermaan darah kepada tabung darah Hospital Raja Permaisuri Bainun bagi menampung keperluan kepada pesakit-pesakit yang memerlukannya. Seramai 89 orang peserta telah melaksanakan proses ini.
- ii. Mempromosi profesion Penolong Pegawai Perubatan kepada umum sempena Hari Pembantu Perubatan.
- iii. Mengeratkan hubungan silaturahmi antara orang awam, anggota Kementerian Kesihatan Negeri Perak khususnya Penolong Pegawai Perubatan.

Beliau juga turut menyatakan tentang peluang penambahbaikan dengan pelaksanaan program seumpama ini seperti :-

- i Menjadikan program ini sebagai acara tahunan
- ii Mempromosikan program di kalangan anggota profesion sebagai satu tanggungjawab profesional
- iii Memperluaskan program ini ke setiap Hospital lain di negeri Perak pada masa akan datang
- iv Mendapat peruntukan khas bagi menampung perbelanjaan program ini setiap tahun

Aktiviti yang dianjurkan ini bertepatan dengan konsep menghargai peranan dan tanggungjawab sebagai manusia dalam membantu pesakit yang amat memerlukan selain tugas hakiki yang sentiasa membantu dalam perawatan, pemulihan dan pencegahan untuk kesihatan semua. Bersamalah kita menjayakannya dan hayatilah tema "AMOTEX - Meningkatkan Kecemerlangan ke Arah Pengiktirafan".



DISEDIAKAN OLEH
HJ. AHMAD SYAMSUL BIN HJ. REZALI
PENGERUSI PPPM PERAK